

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kakak _____ melihat kelakuan adiknya yang suka bercakap benar.
- A risau
 - B sedih
 - C bising
 - D gembira
- 2 Emak membeli beberapa bungkus _____ di warung itu untuk dijadikan sarapan.
- A nasi baru
 - B nasi putih
 - C nasi lemak
 - D nasi pinggan
- 3 *Pilih ayat yang betul.*
- A Arif Hakimi belajar di Tahun Empat.
 - B Sekeluarga kami melawat ke Petro Sains.
 - C Nizam atau Faris berjabat tangan ketika berjumpa.
 - D Ibu saya berkerja sebagai peguam di sebuah Hospital.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Encik Lee ialah jiran kami. Kami berjiran sejak lapan tahun lalu. Encik Lee ada lima orang anak. Saya dan anak-anak Encik Lee berkawan baik.

Pada masa lapang, saya suka bermain gitar di rumah Encik Lee bersama-sama anaknya. Puan Lee pula menyediakan kuih donat untuk kami. Bapa dan Encik Lee pula berbual-bual di luar rumah.

Kami berasa gembira kerana mempunyai jiran yang baik seperti Encik Lee sekeluarga.


4. Siapakah Encik Lee?
- A Guru saya
 - B Jiran saya
 - C Kawan saya
 - D Bapa kawan saya
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Puan Lee menjual kuih donat.
 - B Encik Lee merupakan jiran kami.
 - C Encik Lee mempunyai tiga orang anak,
 - D Kami bermain piano di rumah Encik Lee.
6. Berikut merupakan sikap baik Encik Lee *kecuali*
- A boros berbelanja.
 - B jiran yang peramah.
 - C membantu Puan Lee.
 - D seorang yang sombong.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

PIRAMID MAKANAN MALAYSIA 2020
Panduan Pengambilan Makanan **HARIAN** Anda

**Nota:**

1. Bilangan sajian dikira berdasarkan 1,500 kcal, 1,800 kcal dan 2,000 kcal untuk dewasa.
2. Orang dewasa yang tidak aktif/ sedentari perlu mengambil bilangan sajian yang minimum.

BAHAN 2

Kita perlulah mengambil makanan yang mengandungi karbohidrat dalam kuantiti yang paling banyak seperti roti, nasi dan mi supaya badan kita bertenaga. Selain itu, kita hendaklah makan buah-buahan dan sayur-sayuran dengan banyak untuk mencegah daripada penyakit. Seterusnya, kita mestilah makan makanan yang berasaskan protein secara sederhana seperti susu, ikan dan daging untuk memperbaiki otot dan tisu dalam badan. Di samping itu, kita seharusnya mengurangkan mengambil makanan seperti kek dan asikrim untuk mengelakkan daripada obesiti. Kesimpulannya, kita sewajarnya mengamalkan pemakanan yang seimbang untuk kesihatan.

- 7 karbohidrat perlu diambil dengan kuantiti yang _____ .
- A sedikit.
 - B banyak.
 - C sederhana.
 - D Suku-suku separuh.

- 8 Kita perlulah mengambil makanan yang mengandungi karbohidrat dalam kuantiti yang paling banyak seperti roti, nasi dan mi supaya badan kita bertenaga.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A buku.
 - B cebis.
 - C keping.
 - D bungkus.
- 9 Perkataan *berasaskan* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A berdasarkan.
 - B berteraskan.
 - C berlandaskan.
 - D bersandarkan.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Sumber protien termasuklah ikan, susu dan kek.
 - B Nasi, roti dan mi tergolong dalam sumber karbohidrat.
 - C Kek dan aiskrim perlu di ambil dalam kuantiti yang banyak.
 - D Buah-buahan dan sayur-sayuran boleh menyebabkan obesiti.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya .

Nama saya Alisa. Saya belajar dalam Tahun Empat Gigih. Ketua kelas saya bernama Mei Ling. Dia seorang ketua yang bertanggungjawab.

Setiap pagi kami akan membersihkan kelas sebelum sesi pembelajaran bermula. Kami melakukan tugas-tugas seperti menyapu sampah, menyusun kerusi dan meja, mengelap tingkap, membuang sampah dan membersihkan papan putih.

Mei Ling akan memastikan semua murid melakukan tugas masing-masing sebelum loceng sesi pembelajaran berbunyi. Kami kemudiannya akan segera duduk di tempat masing-masing sementara menunggu guru masuk ke dalam kelas.

- 1 (a) Siapakah nama ketua kelas Tahun Empat Gigih?

Nama ketua kelas Tahun Empat Gigih ialah _____ .

[1 markah]

- (b) Bilakah Alisa dan murid-murid lain akan membersihkan kelas?

[2 markah]

- (c) Bulatkan **satu kata ganda penuh** dalam ayat yang diberi.

Mei Ling akan memastikan semua murid melakukan tugas masing-masing sebelum loceng sesi pembelajaran berbunyi.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tuliskan (**BETUL**) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

“Cikgu, terima kasih kerana telah mengajar saya dengan penuh kesabaran,” ucap Aini kepada Cikgu Azmi.

Aini mengucapkan terima kasih kepada Cikgu Azmi kerana telah mengajarnya dengan penuh kesabaran.	
Cikgu Azmi mengucapkan terima kasih kepada Aini kerana telah mengajarnya dengan sabar.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Amira seorang murid yang rajin dan bijak. Dia bercita-cita menjadi seorang guru.

2 Apakah yang perlu Amira lakukan untuk mencapai cita-citanya?

[5 markah]

Bahagian C
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang kesihatan diri.

Tuliskan pendapat kamu tentang **cara menjaga kebersihan diri**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

Cara Menjaga Kebersihan Diri



Potong kuku



Mandi



Cuci muka



Gosok gigi



Cuci tangan

[10 markah]

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

MENJAGA KEBERSIHAN ALAM SEKITAR



011